



Praktis Ekstra Unit 17 Rasuah Musuh Negara

1. Tandakan (✓) pada "Setuju" untuk pernyataan yang **betul** dan (X) pada "Tidak setuju" untuk pernyataan yang **salah**.

	Pernyataan	Setuju	Tidak setuju
(a)	Perbuatan rasuah merupakan tingkah laku yang mulia dan tidak berdosa.		
(b)	Rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi.		
(c)	Penguatkuasaan undang-undang dapat membantu membanteras gejala rasuah.		
(d)	Rasuah meningkatkan imej dan maruah negara di persada dunia.		
(e)	Pihak mahkamah hanya akan menjatuhkan hukuman berat terhadap penerima rasuah.		
(f)	Pegangan agama yang kuat mampu membendung masalah rasuah.		
(g)	Amalan rasuah menggambarkan sikap ketidakadilan dan berat sebelah.		
(h)	Pengamalan budaya rasuah membantu melicinkan pengurusan.		
(i)	Kelemahan kepimpinan dan pengurusan organisasi menyebabkan rasuah.		
(j)	Rasuah merupakan sesuatu jenayah mengikut Akta Pencegahan Rasuah 1997.		
(k)	Rasuah memberikan kesan yang agak positif terhadap sistem pentadbiran negara.		
(l)	Tindakan mengambil rasuah dan memberi rasuah merupakan suatu kebiasaan.		
(m)	Penerapan konsep keagamaan dan moral di sekolah penting dalam usaha mencegah rasuah.		

2. Gariskan jawapan yang betul. TP 3 KBAT Mengaplikasi

- (a) Rasuah perlu (diatasi, dipupuk) dengan habis-habisan supaya tidak memberikan kesan buruk terhadap pembangunan negara.
- (b) Penguatkuasaan undang-undang (remeh, penting) untuk memberikan hukuman setimpal kepada mereka yang melakukan rasuah.
- (c) Hukuman dan denda yang berat dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat agar (mendekati, menjauhi) rasuah.
- (d) Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) haruslah (mengambil, menolak) langkah segera untuk menangani gejala rasuah.
- (e) Kempen kesedaran dapat memberikan kesan (positif, negatif) kepada rakyat supaya tidak melibatkan diri dalam kegiatan rasuah.
- (f) Masyarakat perlu berfikir dengan (dedikasi, rasional) sebelum bertindak untuk memberikan atau menerima rasuah.
- (g) Pihak sekolah haruslah (memupuk, mencungkil) semangat patriotisme dalam kalangan murid agar mereka memahami kesan buruk rasuah.
- (h) Pendedahan (akhir, awal) yang diberikan kepada para murid dapat menjadikan mereka sebagai insan yang lebih bertanggungjawab dan amanah.
- (i) Perasaan benci akan amalan rasuah yang telah ditanam di dalam hati rakyat akan (membebaskan, mengongkong) negara kita daripada rasuah.
- (j) Kerjasama yang (dihapuskan, diwujudkan) dalam kalangan rakyat penting untuk mengatasi isu rasuah yang semakin berleluasa.
- (k) Pihak berkuasa hendaklah (menyokong, menahan) pesalah-pesalah rasuah tanpa mengira pangkat atau kedudukan mereka.
- (l) Pihak media massa (memastikan, memainkan) peranan yang penting untuk menyalurkan idea mencegah rasuah kepada semua lapisan masyarakat.
- (m) Penerapan konsep keagamaan dan moral hendaklah dilakukan terutama di sektor (pengairan, pendidikan) negara.
- (n) Ibu bapa patut (membimbing, melepaskan) anak supaya memahami keperluan untuk menyelamatkan negara daripada ancaman rasuah.